



URUSETIA Mahakarya membuat persiapan.

## Mahakarya cetus fenomena baru dunia seni

UB 11.5.2016 B4

Oleh HENRY BATING

KOTA KINABALU: Majlis Perasmian Projek Mahakarya akan berlangsung pada 16 Mei bertempat di Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (Blok Seni), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Jurucakap urusetia, Nur Khadijah Sulai berkata, Projek Mahakarya bakal menjadi satu program terbesar yang menghimpunkan karya pelajar seni kreatif khususnya bagi pelajar tahun akhir yang berjaya menghasilkan karya mereka untuk dipersembahkan kepada umum.

"Perasmian Projek Mahakarya ini merupakan anjuran pelajar tahun akhir HA 11 Seni Kreatif UMS bertemakan epik yang mendukung objektif kisah, rasa, minda dan jiwa bersatu," katanya.

Adikarya yang merupakan Kluster Penulisan akan mempamerkan hasil kerja akhir pelajar kepada orang umum dengan menghimpunkan karya-karya penulisan daripada pelbagai medium seperti novel, penulisan ilmiah, cerpen, dokumentari,

antologi puisi dan skrip yang akan berlangsung 16 hingga 27 Mei 2016.

Kluster Teater yang membawa nama Opera (Orang Pentas Berkarya) juga bakal mempersembahkan hasil kerja pelajar melalui pementasan teater Hanturisme pada 16 dan 17 Mei dan Sampah pada 19 dan 20 Mei yang akan dipentaskan di Dewan Resital UMS.

Kluster Tari yang membawa nama Kontra (Kontemporari dan Tradisional) bakal mempersembahkan tarian yang menjadi projek akhir mereka iaitu olahan tarian tradisi dan tradisi kreatif iaitu secara berkumpulan dan individu pada 23 dan 24 Mei.

Pengarah Projek Mahakarya 2016, Mohd Safiee Elias menjelaskan ia adalah projek menggabungkan idea-idea yang menjana transformasi sebagai batu loncatan mencetus generasi akan datang untuk mewarisi karya seni yang dihasilkan.

"Harapan saya agar penghasilan karya seni dapat diangkat di mata masyarakat dan diserap menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat," katanya.



LATIHAN  
untuk  
tampil di  
hadapan  
penonton  
giat  
djalankan.